



Submission date: 04/06/2019

Accepted date: 2/09/2019

**ZAINAB AL-GHAZALI:
SEJARAH KEBANGKITAN MUJAHIDAH ISLAM DI MESIR**

*Zainab Al-Ghazali:
A History of Mujahidah Awakening in Egypt*

Ummi Zainab Mohd Ghazali & Muhammad Azizan Sabjan
Universiti Sains Malaysia

mazizan@usm.my

Abstrak

Zainab al-Ghazali merupakan seorang tokoh pejuang wanita kontemporari yang tidak asing lagi dalam sejarah umat Islam. Beliau adalah pengasas Pertubuhan Wanita Islam ‘*Jama’at al-Sayyidat al-Muslimat*’ dan penggerak kepada Pertubuhan Akhawat Muslimah. Perkara utama perjuangan Zainab al-Ghazali adalah untuk memberi dan menyebarkan kefahaman Islam dalam pemikiran wanita, mendidik wanita mengenai hak-hak dan tanggungjawab mereka serta membawa perubahan dalam masyarakat yang berpandukan kepada ajaran al-Quran dan ahli sunnah. Oleh yang demikian, makalah ini akan membicarakan penglibatan beliau dalam memperjuang dan memartabatkan kedudukan wanita Islam dalam bidang pendidikan, dakwah, sosial, politik dan ekonomi di Mesir. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan menganalisis daptan data secara diskriptif. Dapatan kajian mendapati pencerahan ilmu pendidikan dan dakwah oleh Zainab al-Ghazali telah menarik ramai golongan wanita di Mesir bangkit dalam memperjuangkan hak-hak mereka. Keperibadian, keberanian dan keintelektual Zainab al-Ghazali telah menaikkan taraf wanita dalam dunia dakwah dan politik Islam dan berjaya menghakis prejudis terhadap kepimpinan wanita dalam masyarakat. Tegasnya, hasil perjuangan dan pemikiran beliau dapat dijadikan iktibar dan rujukan golongan wanita Islam dalam menghadapi cabaran dengan cara yang sebaik-baiknya.

Kata kunci: kebangkitan, mujahidah, dakwah, wanita, Mesir.

Abstract

Zainab al-Ghazali was one of the utmost female figure fighters in the contemporary Islamic history. She was the founder of Muslim Women Association (MWA) of ‘*Jama’at al-Sayyidat al-Muslima*’ and the driving force behind Muslimah Akhwat Association. The rallying call of her struggle was to spread Islamic knowledge towards Muslim women, instilling them of their rights and responsibilities, imparting a wave of change on them in line with the teaching of al-Quran and sunnah. This paper intends to discuss her dedication to fight and elevate the status of Muslim women in the field of education, social, politics, as well as economy in Egypt. This research employs qualitative method by analyzing data descriptively. The result showed that her enlightenment had greatly impacted a massive number of women in Egypt to rise up to defend and to fight for their rights. Her personality, bravery, and intellectual have succeeded in uplifting the hierarchy of women in the world of da’wah and Islamic politics and successfully warded off conventional prejudice towards women’s leadership in society. In a strict sense, her battle was truly exemplary and could be used as a point of reference for Muslim women in facing plight in a best manner.

Keywords: awakening, mujahidah, da’wah, women, Egypt.

PENDAHULUAN

Sejarah ketamadunan Mesir telah membuktikan bahawa peristiwa pergolakan merupakan faktor utama kejatuhan sesebuah tamadun (Wan, 2010). Namun sehingga kini, Mesir masih berada dalam isu pergolakan dan kekacauan melalui ketidakstabilan politik, serangan anarkisme, radikalisme, otoritarianisme dan vandalisme meskipun Mesir telah mencapai kemerdekaan hampir 70 tahun (Nurudin, 2015). Pergolakan tamadun Mesir telah melahirkan beberapa tokoh pejuang bangkit dalam mempertahankan agama dan maruah Islam daripada penindasan golongan musuh Islam. Kemunculan tokoh-tokoh pemikir dan pejuang Islam telah berjaya membawa satu gerakan fahaman atau ideologi yang berlandaskan kepada ajaran ahli sunnah dan al-Quran. Antara salah sorang tokoh pejuang wanita Islam yang banyak memberi sumbangan dalam tamadun Mesir ialah Zainab al-Ghazal (Syeikh, 2011). Beliau digelar mujahidah kerana kredibiliti beliau sebagai seorang pejuang Islam yang memimpin kepada gerakan Pertubuhan Wanita Islam ‘*Jama’at al-Sayyidat al-Muslimat*’ dan iaitu sayap wanita Ikhawanul Muslimin (Mokrane, 2009). Zainab al-Ghazali merupakan tokoh pejuang wanita yang terkenal pada tahun 1937-1965. Dalam Islam, wanita tidak dihalang untuk berjuang bagi mempertahankan kedaulatan agama, mengikuti aktiviti kemasyarakatan, berpolitik, perundangan, pendidikan dan sebagainya. Golongan

wanita tidak lagi berada ditahap yang rendah seperti yang diwar-warkan oleh musuh-musuh anti Islam (Siti, 2014). Artikel ini meneliti kebangkitan perjuangan Zainab al-Ghazali mujahidah kontemporari Islam sebagai satu kaedah menganalisis sejarah, pemikiran beliau dan membina semula dalam mengangkat serta memperingati tokoh pejuang wanita Islam dalam kalangan masyarakat hari ini. Kewibawaan tokoh Zainab al-Ghazali yang bukan sahaja berjaya mengangkat kedudukan wanita dalam Islam malah beliau berjaya menarik golongan wanita di Mesir untuk bangkit mempertahankan maruah dan kedudukan wanita melalui usaha kesedaran yang dilakukan oleh beliau sepanjang memimpin Pertubuhan Wanita Islam '*Jama'at al-Sayyidat al-Muslimat*' dan Pertubuhan Akhawat Muslimah di Mesir (Mokrane, 2009)

METODOLOGI

Kertas kerja ini bertujuan untuk memfokus dan membincangkan mengenai kebangkitan Zainab al-Ghazali sebagai tokoh mujahidah kontemporari Islam di Mesir. Selain itu, turut menganalisis perjuangan dan pemikiran beliau berdasarkan kepada strategi perjuangan beliau dalam memimpin Persatuan Wanita Islam dan penggerak Pertubuhan Akhawat Muslimah di Mesir dari tahun 1937-1965 serta hasil karya dan ceramah beliau. Justeru, metode kajian yang digunakan ialah kajian yang berbentuk kualitatif. Ia merujuk kepada metode analisis kandungan yang di antaranya menganalisis karya dan penulisan Zainab al-Ghazali. Menurut (Othman Lebar, 2006), pengumpulan data melalui analisis kandungan dapat memberi maklumat yang relevan kepada permasalahan dan isu yang dikaji.

Metode analisis dilakukan berdasarkan kepada pendekatan induktif diskriptif terhadap strategi perjuangan dan hasil karya-karya Zainab al-Ghazali seperti "*al-Ayyam Min Hayati*", yang menaikkan taraf wanita dalam dunia dakwah dan politik Islam (Syeikh, 2011). Analisis perjuangan dan pemikiran dakwah Zainab al-Ghazali turut dilakukan melalui beberapa metode iaitu dari segi metode pembacaan, pemerhatian dan penganalisan data yang diperoleh. Malah, perbincangan dan rumusan turut diolah mengenai sejauh mana perjuangan dan pemikiran dakwah beliau dapat memberi impak dan kesedaran kepada umat Islam di Mesir tentang pergolakan politik dan isu-isu agama yang melanda ummah masa itu.

BIOGRAFI

Nama lengkapnya Zainab Muhammad al-Ghazali al-Jubaili. Beliau dilahirkan pada tanggal 2 Januari 1917M/ 8 Rabiul Awal bersamaan 1335H di Mayeet Ghumar al-Daqiliyah, daerah Buhairah, Mesir (Ibrahim, 2011). Beliau berasal dari keluarga terhormat dan berketurunan dari nasab yang mulia iaitu dari jalur keturunan para sahabat Rasulullah s.a.w. Ayah beliau dari keturunan khalifah Umar al-Khattab ra. Manakala, ibunya pula dari jalur keturunan sayyidina al-Hasan bin Ali bin Abi Talib

ra. Ayah Zainab al-Ghazali merupakan seorang ulama al-Azhar yang terkenal pada masa itu dan turut menjalankan perniagaan perusahaan kapas. Perniagaan kapas ini diwarisi daripada datuknya yang turut dikenali sebagai saudagar kapas yang tersohor dan disegani oleh masyarakat di situ (Siti et al., 2014).

Penelitian sejarah kehidupan Zainab al-Ghazali yang dapat digambarkan ialah beliau dilahirkan dan dibesarkan dalam keluarga yang mementingkan ajaran agama (Irfan, 2011). Ibu bapa beliau telah menerapkan pengetahuan pendidikan Islam sejak beliau masih kecil. Persekutaran ini telah membentuk keperibadian Zainab al-Ghazali sebagai wanita yang sangat berpegang kepada ajaran ahli sunnah dan al-Quran. Ketika beliau masih kecil, ayah beliau sering membawa beliau bersama untuk menunaikan solat subuh di masjid dan menghadiri majlis-majlis ta'lim yang turut dihadiri oleh ulama-ulama al-Azhar (Siti & Wan, 2015).

Beliau juga sering diperingatkan supaya menunaikan solat pada awal waktu. Ayahnya juga sering mengatakan kepada beliau, “*kamu tidak perlu menghabiskan banyak masa dengan kawan-kawan kerana kamu adalah sayyidah Zainab*”. Ayahnya turut memanggil Zainab al-Ghazali dengan gelaran Nusaiybah. Gelaran ini diberi sempena nama seorang sahabiyah yang tersohor dengan keberanian yang ada dalam dirinya iaitu Nusaiybah binti Ka'ab al-Mazaniyah al-Ansoriyah (Siti & Wan, 2015). Kesungguhan ayah beliau dalam usaha membentuk Zainab al-Ghazali telah melahirkan wanita pejuang Islam di Mesir (Pauline, 2014). Hasil didikan hebat dari ayahnya, Zainab al-Ghazali memiliki keperibadian dan jati diri muslimah mujahidah yang hebat, gigih dan berani (Ahmad, 2010).

Pada usia Zainab al-Ghazali meningkat dewasa, beliau telah mengahwini seorang lelaki penduduk Mesir namun perkahwinannya berakhir dengan kegagalan. Faktor perceraian beliau adalah disebabkan bekas suaminya itu tidak membenarkan Zainab al-Ghazali mencebur dan bergiat aktif dalam dunia perjuangan dakwah Sedangkan perjuangan dakwah adalah matlamat hidupnya dan ia sudah sebatik dalam jiwa diri Zainab al-Ghazali (Pauline, 2014). Beliau tidak mempunyai anak daripada perkahwinan tersebut. Ujian yang beliau terima di saat kegagalan rumah tangganya tidak mematahkan semangat juang Zainab al-Ghazali untuk meneruskan perjuangan dakwahnya di Mesir (Siti et al., 2014).

Selepas dari peristiwa sedih itu, beliau berkahwin pula untuk kali kedua. Sesungguhnya Allah SWT Maha Mengasihi, beliau dianugerahkan seorang suami yang sangat memahami dan banyak membantu beliau dalam perjuangan dakwahnya (Pauline, 2014). Dalam bukunya yang bertajuk “*al-Ayyam Min Hayati*”, Zainab al-Ghazali telah memuatkan kisah suaminya iaitu Haji Salam Muhammad Salam

seorang ahli ekonomi (Syeikh, 2011). Biarpun beliau sibuk dengan aktiviti dakwah, ini tidak menghalang beliau untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang isteri kepada suami dan keluarganya yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan terhadap perjuangan dakwahnya. Sesungguhnya setiap pertemuan itu pasti akan ada perpisahan (Pauline, 2014). Pada tahun 1966, suami Zainab al-Ghazali telah wafat di saat beliau berada di dalam penjara sebelum ia dibebaskan enam bulan selepas itu. Setelah kewafatan suaminya, Zainab al-Ghazali meneruskan perjuangan dakwahnya sehingga beliau wafat pada tahun 2005 ketika usia beliau mencapai 88 tahun (Siti et al., 2014).

BIDANG PENDIDIKAN

Zainab al-Ghazali telah mendapat pendidikan awal di madrasah yang terletak di kampungnya iaitu Mayeet Ghumar al-Daqiliyah, daerah Buhairah, Mesir. Seterusnya, beliau meneruskan pengajian ke sekolah kerajaan dan mengikuti pengajian agama di al-Azhar. Beliau telah belajar dan berjaya menguasai pelbagai ilmu termasuklah ilmu hadis, tafsir dan fiqah. Selepas kewafatan ayah beliau pada tahun 1928, Zainab al-Ghazali bersama ibunya telah berpindah ke Kaherah. Beliau tinggal bersama dengan saudara lelakinya yang belajar dan bekerja di sana. Ketika itu beliau berusia 11 tahun. Semasa di Kaherah, Zainab al-Ghazali tidak dibenarkan meneruskan pengajiannya meskipun beliau berulang kali meminta kebenaran daripada abangnya yang sulung iaitu Sa'aduddin al-Ghazali. Namun, abangnya yang kedua iaitu Ali al-Ghazali telah memberi sokongan kepada beliau untuk meneruskan pengajian supaya dapat membentuk pemikiran Zainab al-Ghazali terhadap semua perkara yang melibatkan kehidupan manusia (Siti & Wan, 2015).

Selepas itu, Ali telah membantu Zainab al-Ghazali dengan memberi beberapa buah buku termasuklah hasil karya Aisyah al-Taimury mengenai ketokohan wanita Islam. Namun, Zainab al-Ghazali masih ingin mencari dan mencuba sesuatu yang baru. Pada usia beliau 12 tahun, ketika Zainab al-Ghazali tengah berjalan, beliau telah melihat sebuah sekolah yang secara keseluruhannya dipenuhi oleh pelajar-pelajar perempuan. Beliau meminta kebenaran daripada pengawal yang bertugas untuk memasuki sekolah tersebut. Zainab al-Ghazali telah dibawa berjumpa dengan pengetua sekolah. Pada ketika itu jugalah, Zainab al-Ghazali telah memperkenalkan diri beliau dan menceritakan latar belakang keluarganya serta kehidupan peribadinya. Kesungguhan dan keyakinan yang ditonjolkan oleh Zainab al-Ghazali telah menarik perhatian pengetua sekolah tersebut. Beliau kagum dengan sifat berani dan kecerdikan yang ada pada diri Zainab al-Ghazali. Pengetua sekolah telah menerima permohonan Zainab al-Ghazali untuk memasuki sekolah tersebut dan mengikuti pengajian bersama dengan pelajar yang lain. Dengan kebijaksanaan yang ada pada dirinya, beliau berjaya melepassi semua tahap pengajian dengan jayanya (Siti et al., 2014).

Seterusnya, Zainab al-Ghazali meneruskan pengajian dalam bidang ilmu-ilmu agama dengan beberapa orang tokoh ulama yang terdiri daripada guru-guru al-Azhar. Antaranya ialah Syeikh Ali Mahfuz, Ketua Bahagian Pengajaran dan Bimbingan di al-Azhar, Syeikh Muhammad Sulaiman an-Najjar, Syeikh al-Majid al-Labban. Kesan daripada pengajian ini, beliau telah berjaya menguasai dan menggabungkan ilmu antara dua sistem moden dan pengajian tradisional, yang berdasarkan pada penerimaan secara lansung (*talaqqi*) daripada guru-guru al-Azhar (Siti et al., 2014). Penguasaan beliau dalam bidang pendidikan telah meletakkan beliau sebagai tokoh wanita berpengaruh yang memiliki keintelektual tinggi sebaris dengan tokoh pemikir Islam yang lain (Ibrahim, 2011).

SEJARAH KEBANGKITAN ZAINAB AL-GHAZALI

Sejarah kebangkitan Zainab al-Ghazali bermula apabila beliau masih di alam remaja iaitu sekitar tahun 1936. Di mana, satu pertubuhan iaitu Kesatuan Wanita Mesir telah mengeluarkan satu pengiklanan mengenai tawaran penyertaan pelajar bagi program lawatan sambil belajar ke Perancis. Pemimpin bagi Kesatuan Wanita Mesir pada ketika itu ialah Huda Shaarawi (Ibrahim, 2011). Beliau seorang yang berani dan lantang dalam memperjuangkan hak-hak wanita dalam masyarakat. Pertemuan Huda Shaarawi dengan Zainab al-Ghazali menarik perhatian beliau kerana beliau melihat dalam diri Zainab al-Ghazali memiliki ciri-ciri kepimpinan, keperibadian yang kukuh, kemantapan iman dan berani. Hal ini menyebabkan beliau telah mendaftarkan nama Zainab al-Ghazali sebagai peserta lawatan ke Perancis. Malah, Huda Shaarawi turut melantik Zainab al-Ghazali sebagai salah seorang anggota Kesatuan Wanita Mesir dan di tempatkan di bahagian pentadbiran (Pauline, 2014).

Ketika menjadi anggota Kesatuan Wanita Mesir inilah, sifat kepimpinan yang ada dalam diri Zainab al-Ghazali terserlah sehingga ia menjadi tumpuan para anggota yang lain (Novilia, 2016). Beliau aktif dalam setiap aktiviti yang dianjurkan oleh Kesatuan Wanita Mesir antaranya adalah berpidato dan sebagainya. Pembentukan peribadi Zainab al-Ghazali adalah hasil daripada didikan ayahnya. Pengumuman senarai perwakilan dan tarikh keberangkatan anggota delegasi telah diumumkan. Namun, selepas sebulan pengumuman tersebut, Zainab al-Ghazali telah bermimpi bertemu dengan ayahnya. Dalam mimpi tersebut, ayahnya meminta beliau tidak mengikuti lawatan ke Perancis dan membatalkan niatnya untuk ke sana. Beliau masih mengingati kata-kata ayanhnya dalam mimpi tersebut yang menyatakan, “*Sesungguhnya akan ada gantian yang lebih baik daripada Allah SWT daripada apa yang kamu akan peroleh dari lawatan itu*”. Mimpi yang dialami oleh Zainab al-Ghazali telah memberi kesan kepada diri beliau. Hal ini menyebabkan beliau memutuskan untuk tidak mengikuti lawatan tersebut meskipun berulang kali beliau

dipujuk oleh Huda Shaarawi dan anggota yang lain. Penolakan Zainab al-Ghazali dibuat dengan cara yang baik. Ketegasan beliau dalam membuat keputusan dengan menyatakan bahwa “*saya merasakan ayah saya sentiasa menemani saya dan perasaan ini tidak sama dengan ahli keluarga yang lain*” (Siti et al., 2014).

Sepanjang penglibatan Zainab al-Ghazali dalam perjuangan mempertahankan, memperkasakan kedudukan hak-hak wanita, beliau juga turut terlibat dalam perbincangan dengan ulama dan tokoh pemikir Islam yang lain. Slogan-slogan yang dilaungkan oleh Kesatuan Wanita ini menyakinkan Zainab al-Ghazali terhadap perjuangannya ke arah kesempurnaan Islam (Pauline, 2014). Para ulama al-Azhar melihat kelebihan yang ada dalam diri Zainab al-Ghazali dari sudut keperibadian dan kepimpinan beliau dalam menarik dan menyakinkan pihak lain mengenai hak wanita. Sehubungan dengan itu, para ulama al-Azhar telah menjemput Zainab al-Ghazali dalam beberapa siri perbincangan bagi membantu beliau untuk memahami banyak permasalahan dan isu yang selama dianggap betul mengikut pegangan Kesatuan Wanita Mesir. Syeikh Muhammad al-Najjar merupakan salah seorang ulama al-Azhar yang telah banyak membantu beliau dalam memperjelas secara lebih *detail* mengenai hak-hak wanita Islam (Siti et al., 2014).

Seterusnya, Syeikh Muhammad al-Najjar menerangkan perkara yang perlu ada dalam diri seseorang wanita sebelum memperjuangkan haknya. Pendirian Islam harus disedari oleh semua lapisan masyarakat dan ia adalah merupakan jalan penyelesaian bagi wanita untuk memenuhi hak mereka di saat bangsa Barat tidak mengiktirafkan kedudukan golongan wanita dalam agama. Setelah perbincangan dan penerangan dari Syeikh Muhammad al-Najjar, Zainab al-Ghazali telah memahami pengertian di sebalik perjuangan Islam yang benar. Hal ini menyebabkan beliau mengambil keputusan untuk keluar dari Kesatuan Wanita Mesir sedangkan beliau memiliki peluang yang cerah dalam kepimpinan Kesatuan Wanita Mesir tersebut (Novilia, 2016).

Ketika usia Zainab al-Ghazali mencecah lingkungan 20 tahun, beliau telah mendapat ujian yang berat di mana beliau telah ditimpa musibah kemalangan akibat dari kebakaran. Kebakaran itu telah menyebabkan muka dan seluruh tubuh Zainab al-Ghazali melecur tahap kritikal sehingga beliau tiada harapan untuk pulih seperti sedia kala. Doktor yang merawat beliau meminta ahli keluarga Zainab al-Ghazali memperbanyakkan doa untuk kesembuhan beliau. Apabila Zainab al-Ghazali mengetahui hal ini, beliau hanya mampu memanjatkan doa kepada Allah SWT dengan penuh kesungguhan. Beliau menyedari musibah yang berlaku disebabkan kesilapan beliau dalam penglibatan Kesatuan Wanita Mesir sebelum ini. Beliau telah beriktiad sekiranya beliau sembah dari musibah ini, beliau akan menjadikan seluruh hidupnya untuk berjuang di jalan Allah SWT demi menyebarkan dakwah

Islamiyyah di Mesir seperti srikandi Islam yang berjuang pada zaman para sahabat Rasulullah s.a.w. Berkat doa dan kesungguhan taubat Zainab al-Ghazali kepada Allah SWT, beliau telah sembuh di mana bahagian tubuh yang terbakar mula beransur pulih dan kembali seperti sedia kala. Keajaiban peristiwa yang beliau alami ini menguatkan lagi semangat dan keyakinan Zainab al-Ghazali untuk meneruskan perjuangan dakwah di Mesir (Siti et al., 2014).

Selepas peristiwa tersebut, Zainab al-Ghazali telah menarik diri dari anggota Kesatuan Wanita Mesir. Pada sekitar tahun 1937, Zainab al-Ghazali telah menu buhkan Persatuan Wanita Muslimah sekaligus sebagai pemimpin kepada persatuan tersebut. Persatuan Wanita Muslimah ini merupakan pertubuhan persatuan wanita Islam pertama di Mesir yang membawa kepada satu perubahan baru dalam pembangunan Islamiyyah di Mesir (Ibrahim, 2011). Matlamat pertubuhan Persatuan Wanita Muslimah adalah untuk menyeru, menuntut dan mengajak umat Islam kembali kepada ajaran agama yang benar. Fahaman dan idealogi Barat telah memberi impak yang besar terhadap pemikiran dan cara kehidupan umat Islam pada ketika itu. Malah, kepimpinan obor umat Islam juga telah diresap dan ditukarkan dengan pengaruh Barat (Novilia, 2016). Matlamat lain dalam persatuan ini adalah menerapkan ilmu dalam kalangan anggota persatuan untuk perjuangan pembebasan umat Islam dari kepimpinan musuh Islam. Selain itu juga, persatuan ini turut melatih anggota persatuan dalam kemahiran berpidato, berhujah dan berinteraksi dengan masyarakat dalam penyampaian sesuatu dakwah agar mampu mengajak umat Islam menghayati nilai-nilai ajaran agama yang betul berlandaskan kepada al-sunnah dan al-Quran (Pauline, 2014).

Seterusnya, Zainab al-Ghazali telah mengambil beberapa langkah dalam penyebaran perjuangan dakwahnya adalah dengan mengadakan kelas-kelas pengajian di seluruh Masjid di Mesir. Antaranya adalah Masjid al-Imam Syafi', al-Jami' al-Azhar, Masjid Ahmad Tolon, Masjid Sultan Hassan dengan bantuan tenaga pengajar para ulama al-Azhar. Beliau merupakan penggerak utama kepada kelas-kelas pengajian ini (Siti et al., 2014). Selain itu, langkah lain yang diambil oleh Zainab al-Ghazali ialah menerbitkan majalah Sayyidah Muslimah dengan penulisan-penulisan agama. Ucapan beliau dalam ceramah juga turut dimuatkan dalam majalah tersebut bagi memperlihatkan semangat perjuangan dakwah beliau untuk mengajak, menyeru dan menyakinkan umat Islam agar kembali kepada ajaran agama Islam yang sahih. Hasil daripada keluaran majalah ini, ia telah membawa kepada satu fenomena baru dan telah mendapat sambutan ke seluruh penduduk Mesir pada ketika itu. Persatuan Wanita Muslimah telah berkembang dengan jayanya. Hasil perkembangan ini dapat dilihat apabila wujudnya penubuhan beberapa cawangan di seluruh Mesir (Pauline, 2014).

Perkembangan Persatuan Wanita Muslimah ini menyebabkan Zainab al-Ghazali telah menyusun strategi dalam pelbagai bentuk aktiviti dan kegiatan serta peranan yang perlu dijalankan dibawah persatuan ini demi menyebarkan syiar Islam. Antaranya ialah Zainab al-Ghazali telah menubuhkan pusat dakwah khususnya untuk melahirkan para pendakwah dalam kalangan wanita di Mesir (Pauline, 2014). Syarat dan prosedur untuk memasuki pusat dakwah ini ialah peserta perlu mengambil dan mengikuti semua subjek pengajian yang telah ditetapkan oleh pusat selama tempoh enam bulan. Subjek pengajian tersebut meliputi fiqh, sirah, hadis dan sebagainya demi melayakkan mereka untuk menyampaikan dakwah di masjid-masjid sekitar Mesir. Zainab al-Ghazali juga turut menubuhkan rumah-rumah untuk anak-anak yatim demi menjaga kepentingan mereka. Usaha murni dan sumbangan dari persatuan ini telah mendapat ramai perhatian dari semua lapisan masyarakat, badan kerajaan, badan NGO dan tidak kurang juga dari negara luar (Ibrahim, 2011).

Seterusnya, pada tahun 1952, semasa di bawah pemerintahan Jamal Abdul Nasser berlaku satu revolusi yang menyebabkan Persatuan Wanita Muslimah diarahkan untuk menghentikan semua kegiatan perjuangan dakwahnya (Ibrahim, 2011). Revolusi ini dinamakan revolusi Julai (Siti et al., 2014). Aktiviti penerbitan majalah muslimah juga turut diberhentikan. Hal ini telah menjelaskan perjalanan dakwah Zainab al-Ghazali. Malah, beliau juga telah difitnah dan dilemparkan tuduhan palsu sebagai penentang kerajaan. Zainab al-Ghazali telah ditangkap dan dijatuhan hukuman mati ke atas beliau (Ahmad, 2010). Namun, setelah perbicaraan beliau diringankan hukuman iaitu di penjara seumur hidup dengan melakukan kerja-kerja yang berat sepanjang tempoh pertahanan tersebut. Beliau juga turut diseksua dengan penyeksaan yang kejam dan berat. Penderitaan Zainab al-Ghazali semasa menjadi tahanan penjara telah dimuatkan dalam karya beliau iaitu karya yang bertajuk "*Hari-hari dalam Hidupku*". Pada hari ini, karya ini telah diperterjemahkan dalam pelbagai versi bahasa di seluruh dunia (Pauline, 2014).

SEJARAH PENAHANAN ZAINAB AL-GHAZALI

Sejarah penahanan Zainab al-Ghazali bermula pada 20 Ogos 1965 ketika beliau berusia 44 tahun dan telah menerima hukuman penjara selama 25 tahun (Mustafa, 2011). Penyeksaan yang ditanggung oleh beliau sangat berat bagi seorang yang bergelar wanita. Hasil penulisan beliau dalam buku yang bertajuk "*Return of The Pharaoh*" telah membongkarkan kehidupan beliau di penjara dan penderitaan pejuang-pejuang Ikhwan Muslimin serta kekejaman pihak kerajaan Mesir pada ketika itu (Pauline, 2014). Menurut Zainab al-Ghazali, sebelum beliau ditahan oleh kerajaan Mesir yang ketika itu dibawah pemerintahan Jamal Abdul Nasser (Ibrahim, 2011). Persatuan Wanita Muslimah telah dibubarkan dengan penghantaran notis ke mahkamah. Penetapan syarat telah dikenakan kepada beliau. Sekiranya Zainab al-

Ghazali bersetuju untuk bekerjasama dengan Parti Istrokiyah, notis pembubaran itu akan ditarik balik (Mustafa, 2011).

Zainab al-Ghazali telah menolak semua tawaran yang ditawarkan kepada beliau termasuk juga la penawaran untuk memegang jawatan Menteri Kebajikan Masyarakat oleh Jamal Abdul Nasser. Beliau mengatakan bahawa matlamat hidupnya hanya untuk berdakwah. Setelah gagal memujuk Zainab al-Ghazali untuk memasuki Parti Istrokiyah, akhirnya Jamal Abdul Nasser telah memerintahkan untuk membuat penangkapan ke atas Zainab al-Ghazali (Ibrahim, 2011). Berlaku peristiwa di mana kereta yang dinaiki oleh Zainab al-Ghazali telah dirempuh. Namun, Allah SWT masih memelihara dan melindungi beliau daripada musibah tersebut. Perancangan untuk membunuh Zainab al-Ghazali telah menemui kegagalan tetapi beliau tetap ditahan dan dimasukkan ke dalam penjara di sebuah kem tahanan tentera yang terletak di pinggir Kota Kaherah, Mesir pada tahun 1964. Semasa dalam perjalanan ke penjara, beliau telah dimaki hamun dengan kata-kata yang kesat oleh musuh-musuh Islam (Mustafa, 2011).

Setibanya beliau di penjara Mesir, beliau telah diseret ke bilik kurungan dan diugut untuk dibunuh seperti yang dialami oleh ahli-ahli pejuang Ikhwan Muslimin yang lain. Ketika berada di penjara tersebut, Zainab al-Ghazali telah melihat pelbagai bentuk penyeksaan yang diterima oleh pejuang yang sealiran dengannya (Ibrahim, 2011). Mereka diseksa dengan penyeksaan yang berat. Penyeksaan Zainab al-Ghazali bermula apabila beliau dimasukkan ke dalam sebuah bilik kurungan yang dipenuhi dengan anjing-anjing yang kelaparan. Beliau ditinggalkan di bilik tersebut secara keseorangan dan ketika itulah, beliau dapat merasai tubuh beliau telah dikerumi dan digigit oleh anjing-anjing yang ganas (Mustafa, 2011).

Setelah pada itu, Zainab al-Ghazali dibawa keluar dari bilik itu dan beliau menyangka baju beliau telah dipenuhi darah namun keajaiban telah berlaku. Tubuh Zainab al-Ghazali tiada kesan gigitan, seolah-olah tiada apa yang berlaku. Perlindungan Allah SWT terhadap dirinya adalah satu rahmat buat beliau (Mustafa, 2011). Hal ini merupakan salah satu bentuk penyeksaan yang diterima oleh Zainab al-Ghazali sebagai pejuang yang menegakkan agama Allah SWT. Pada sekitar tahun 1971, Zainab al-Ghazali telah dibebaskan dari penjara dan tahanan rejim Jamal Abdul Nasser. Beliau pernah mengatakan bahawa perkara yang dapat menguatkan semangat beliau dalam menanggung pelbagai bentuk penyeksaan adalah kerana beliau sering bermimpi bertemu Rasulullah s.a.w. Pertemuan dengan Rasulullah s.a.w. memberi keyakinan terhadap beliau bahawa perjuangan ini adalah jalan yang benar (Ahmad, 2010).

PERBINCANGAN

Zainab al-Ghazali merupakan seorang mujahidah Kontemporari Islam yang pakar dalam bidang ilmu agama dengan baik (Ibrahim, 2011). Beliau turut dikenali sebagai pentafsir wanita pertama abad ke-20. Karya tafsirnya adalah berjudul, “*Nazarat Fi Kitabillah*,” yang telah diakui ramai sebagai kitab tafsir dari kalangan pemikir wanita (Siti & Wan, 2015). Malah, beliau mempunyai peranan penting sebagai pemimpin dan penggerak kepada Pertubuhan Wanita Islam dan Pertubuhan Akhawat Muslimah. Sifat kepimpinan yang ditonjolkan oleh Zainab al-Ghazali dalam perjuangan dakwahnya telah membawa satu fahaman dan ideologi baru dalam mengangkat kedudukan hak wanita sama ada dalam aspek sosial, ekonomi, politik, pendidikan dan sebagainya (Ibrahim, 2011). Kepakaran ilmu dan keberanian Zainab al-Ghazali dalam perjuangan beliau telah menyumbang kepada pembangunan dakwah Islamiyyah di Mesir. Di samping itu, beliau juga bergiat aktif dalam bidang penulisan karya-karya, mengikuti aktiviti kemasyarakatan, memberi ceramah dan sebagainya (Pauline, 2014).

Sepanjang beliau dikenali sebagai seorang tokoh pejuang mujahidah kontemporari Islam, beliau telah berjaya memberi sumbangan yang besar terhadap pembangunan Islamiyyah di Mesir (Ibrahim, 2011). Antara sumbangan dan jasa beliau ialah beliau telah mendirikan Persatuan Wanita Islam pada tahun 1937 di Kaherah. Selain itu, beliau telah menubuhkan Pertubuhan Akhawat Muslimah dan bertindak sebagai penggerak kepada badan tersebut dengan melakukan kerja-kerja dakwah dan juga kebajikan (Mustafa, 2011). Beliau juga mengajar, mentarbiahkan ahli-ahli Persatuan Wanita Islam agar mampu untuk berpidato, berhujah dan berinteraksi dengan masyarakat sekeliling untuk kembali kepada ajaran Islam. Selain itu, beliau berperanan sebagai pembela agama Allah SWT dan turut menggarapkan ilmu dalam kalangan anggota Persatuan Wanita Islam (Ahmad, 2010).

Zainab al-Ghazali juga terlibat dalam memperjuangkan agama Islam bersama dengan pejuang dan tokoh pemikir Islam yang terkenal iaitu Imam Hasan al-Banna dalam gerakan Ikhwanul Muslimin (Mustafa, 2011). Beliau diberi tugas untuk memimpin salah satu bahagian yang ada dalam organisasi Ikhwan Muslimin ketika itu. Beliau juga menghulurkan bantuan kepada gerakan Ikhwanul Muslimin pada saat golongan ini ditindas oleh pemerintah pada tahun 1954 (Ahmad, 2010). Zainab al-Ghazali juga dilantik sebagai editor dalam majalah *al-Da'wah* bagi ruangan pembangunan rumahtangga Muslim sejati. Beliau aktif dalam seminar, berpidato di Mesir setelah pembebasan beliau dari tahanan. Semasa beliau menjadi tahanan, beliau sering menyampaikan dakwah kepada golongan banduan yang lain (Siti et al., 2014).

KESIMPULAN

Keunggulan keperibadian yang ditonjolkan oleh tokoh wanita pejuang Islam kontemporari Zainab al-Ghazali telah membawa satu perubahan baru dalam pembangunan Islamiyyah di Mesir. Beliau telah menghabiskan seluruh hidupnya dalam gerakan dakwah demi menegakkan syiar Islam di Mesir. Pelbagai cabaran dan dugaan yang dialami oleh beliau sepanjang perjuangan dakwahnya. Namun, semua ujian dan halangan ditempuh dengan tenang tanpa ada rasa putus asa demi sebuah perjuangan yang benar. Kesederhanaan di sebalik ketegasan pemikiran dan peribadi Zainab al-Ghazali sepanjang perjalanan dakwahnya menyebabkan beliau disegani dan mudah didekati oleh segenap lapisan masyarakat. Semangat keberanian dan bingkai pemikiran beliau menggambarkan bahawa beliau bukan sahaja seorang pendakwah malah pejuang Islam dalam menentang golongan gerakan musuh Islam. Kebijaksanaan beliau jelas terbukti, apabila beliau berjaya menarik wanita Mesir untuk bangkit dalam mempertahankan kedudukan hak wanita dalam sosial, politik, ekonomi, pendidikan melalui gerakan persatuan di bawah pimpinannya, ceramah dan hasil karya beliau. Kajian ini telah mengenalpasti dan meneliti sejarah kehidupan serta kebangkitan mujahidah tokoh pejuang wanita Islam bagi abad ke-20 secara ringkas dalam sejarah Islam di Mesir. Sememangnya selain daripada Zainab al-Ghazali terdapat ramai lagi tokoh pejuang wanita Islam. Sewajarnyalah, perjuangan dan dasar pemikiran yang dibawa oleh mereka harus dijadikan sebagai contoh, rujukan, panduan dan pedoman dengan cara yang sebaiknya memandangkan pembentukan jati diri dalam kalangan umat Islam hari ini semakin lemah.

RUJUKAN

- Ahmad Kashmiri. (2010). Zainab Al Ghazali (RA)-Woman, Who Challenged 20th Century Pharaoh. Peroleh 5 Mac 2018 daripada <https://www.scribd.com>, 1-7.
- Ibrahim Olatunde Uthman. (2011). A re-reading of the Egyptian Zaynab al-Ghazzali, the Muslim brotherhood and the Islamic feminist movement in contemporary society, *International Journal of Sociology and Anthropology*, 3(11), 407-415.
- Irfan S. Kashmiri. (2011). Zainab al-Ghazali ‘Lady with a Mission.’ Peroleh 5 Mac 2018, daripada <https://www.scribd.com>, 1-7.
- Lewis, Pauline. (2007). Zainab al-Ghazali: Pioneer of Islamist feminism. *Michigan Journal of History* 4 (27): 1-47.
- Mokrane Guezzou. (2009). Zainab Al-Ghazali: Return of the Pharaoh Memoir in Nasir's Prison. Peroleh 10 Mac 2018 daripada <http://justonereason.net>.
- Muhammad Nurudin. (2015). Pemikiran Nasionalisme Arab Gamal Abdul Nasser dan Implikasinya terhadap Persatuan Umat Islam di Mesir, *Journal Addin*, 9, 51-84.

- Mustafa Ramadhanal. (2011). Mukminah As-Solehah Zainab Al Ghazali Al Zubaili. Peroleh 10 Mac 2018 daripada <https://cahayamalamdibulanjuli.files.wordpress.com>, 22-30.
- Novilia Anggraeni. (2016). Zainab al-Ghazali dan perjuangannya dalam Ikhwanul Muslimin tahun 1937-1965M. Skripsi Sarjana Humaniora, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta.
- Siti Zaharah Hamid, Farhah Zaidar Mohamed Ramli, Phayilah Yama (2014). Sumbangan Zainab Al-Ghazali dalam memartabatkan kedudukan wanita dalam arena kepimpinan umat Islam. International Conference on Postgraduate Research (ICPR), 1-2 Disember Kuala Lumpur, 269-277.
- Siti Zaharah Hamid, Wan Ramizah Hasan. (2015). Zainab Al-Ghazali Al-Jubaily Dan Tafsir Nazarat Fi Kitabillah: Satu Sorotan, International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, 9-10 March, Kuala Lumpur, 598-607.
- Syaikh Abdullah Azzam. (2018). Zainab Al-Ghazali, Srikanth Islam Asal Mesir (1/2). Peroleh 7 Mac 2018 daripada <https://www.kiblat.net>.
- Syeikh Muhammad Sa'id Mursi, Al-Hidayah. (2011). Tokoh-Tokoh Besar Islam Sepanjang Zaman, Kuala Lumpur.
- Syed Abu Hassan Ali Nadawi. (2011). Wanita Dan Lelaki Saling Memerlukan. Peroleh pada 10 Mac 2018 daripada <https://cahayamalamdibulanjuli.files.wordpress.com>, 8-32.
- Wan Kamal Mujani. (2010). Sejarah Politik Mamluk (648-922H/1250-1517M): Suatu Pengamatan Berdasarkan Sumber Primer dan Sekunder. *International Journal of West Asian Studies*, 2, 17-45.
- Zainab Al-Ghazali: Permata dakwah yang berkilau di era jatuhnya Islam. Peroleh 7 Mac 2018 daripada <http://www.indahnyaislam.my>.